

65 sertai kursus jurulatih badminton anjuran Universiti Malaysia Sabah

UM 25.04.2012 26

KOTA KINABALU 24 April - Seramai 65 peserta telah menyertai kursus persijilan Kejurulatihan Asas Badminton yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Kursus anjuran Persatuan Badminton UMS dan Jabatan Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Pelajar (MP-PUMS) dengan Persatuan Badminton Sabah (SBA) itu dikendalikan oleh Ketua Jurulatih merangkap Setiausaha Eksekutif SBA, Yapp Su Chiew.

Peserta terdiri daripada 30 pelajar Program Sains Sukan (HS20), ahli daripada Persatuan Badminton UMS (29) dan kakitangan UMS seramai enam orang.

Su Chiew berkata, seseorang jurulatih tidak semestinya pemain badminton handal kerana sukan itu memerlukan individu yang mempunyai minat dan kepakaran mengajar bermain badminton dengan betul.

"Apa yang penting seorang jurulatih mesti memiliki minat, berkemampuan, berpengalaman, bermain dengan betul dan mengajar cara bermain dengan betul," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Pensyarah Sains Sukan UMS yang juga salah seorang peserta, **Moha-**



ANTARA peserta yang terlibat dalam program Kejurulatihan Asas Badminton anjuran UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

mad Nizam Nazarudin berkata, peserta yang terlibat dalam kursus itu diharap dapat membantu mencungkil bakat atlet remaja untuk dikedepikan.

Katanya, ia sebagai usaha jangka masa panjang ke arah melahirkan pe-

main badminton Sabah bertaraf dunia atau sekurang-kurangnya menambah jumlah pemain badminton di negeri itu di peringkat kebangsaan.

Salah seorang peserta, **Law Lik Huo** berkata, matlamat utamanya menyertai kursus itu adalah untuk

mempelajari kemahiran asas badminton sekali gus menjadi seorang jurulatih badminton.

"Selepas menamatkan kursus tersebut, saya dapat pengetahuan baru dan pengalaman yang baik serta membantu dalam memimpin dan

mengajar asas pengetahuan tentang badminton," ujarnya.

Katanya, dalam kursus itu para peserta diperkenalkan dengan asas sukan badminton selain penyelidikan tentang sikap seorang jurulatih badminton.